



Ruj Kami : KPM.400-1/3/18 JLD. 9 (19)
Tarikh : 20 Januari 2022

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/YBrs. Dr./Tuan/Puan,

BORANG PENGESAHAN PELAKSANAAN PERKHIDMATAN KEBERSIHAN BANGUNAN DAN KAWASAN (KBK) DI SEKOLAH/INSTITUSI PENDIDIKAN BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM)

Saya diarah dengan hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Datuk/Dato'/Datin/YBrs. Dr./Tuan/Puan, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menambah baik Borang Pengesahan Pelaksanaan Perkhidmatan Kebersihan Bangunan dan Kawasan (KBK) di sekolah/institusi pendidikan bawah KPM bagi **kontrak perkhidmatan KBK yang perolehannya dilaksanakan berdasarkan terma dan syarat kontrak serta skop dan spesifikasi perkhidmatan yang ditetapkan oleh Bahagian Perolehan (BPL), KPM.**

3. Bersama-sama ini disertakan **Pekeliling Perolehan Bilangan 1 Tahun 2022 - Garis Panduan Penggunaan Borang Pengesahan Pelaksanaan Perkhidmatan Kebersihan Bangunan dan Kawasan (KBK) di Sekolah/Institusi Pendidikan bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)** untuk perhatian dan tindakan pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/YBrs. Dr./Tuan/Puan. Semua Bahagian/Institusi Induk, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan institusi pendidikan/sekolah dikehendaki menggunakan borang-borang yang diperincikan dalam pekeliling tersebut **berkuat kuasa mulai 1 Februari 2022** bagi pengesahan pelaksanaan perkhidmatan KBK, tertakluk kepada arahan KPM dari semasa ke semasa.

BORANG PENGESAHAN PELAKSANAAN PERKHIDMATAN KEBERSIHAN BANGUNAN DAN KAWASAN (KBK) DI SEKOLAH/INSTITUSI PENDIDIKAN BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM)

4. Walau bagaimanapun, Borang Pengesahan Pelaksanaan Perkhidmatan KBK dalam pekeliling tersebut **tidak terpakai** bagi:

- (i) kontrak perkhidmatan KBK di Sekolah Kurang Murid (SKM) yang perolehannya dilaksanakan berdasarkan Garis Panduan Perolehan Perkhidmatan KBK Bagi SKM yang dikeluarkan oleh BPL melalui surat ruj. KPM.BPPA.S.400-10/3/4 JLD 9 (21) bertarikh 28 November 2018. Pengesahan pelaksanaan perkhidmatan bawah kontrak tersebut hendaklah mengguna pakai Borang Pengesahan Pelaksanaan Perkhidmatan PKK yang terkandung dalam garis panduan tersebut;
- (ii) Borang Pengesahan Pelaksanaan Perkhidmatan KBK bagi kontrak perkhidmatan KBK di Kuarters Institusi Pendidikan (KIP) yang perolehannya dilaksanakan berdasarkan Garis Panduan Perolehan Perkhidmatan KBK Bagi KIP yang dikeluarkan oleh BPL melalui surat ruj. KPM.BPL.S.400-10/3/4 JLD 2 (20) bertarikh 29 Januari 2019. Pengesahan pelaksanaan perkhidmatan bawah kontrak tersebut hendaklah mengguna pakai Borang Pengesahan Pelaksanaan Perkhidmatan KBK yang terkandung dalam garis panduan tersebut; dan
- (iii) kontrak perkhidmatan KBK yang perolehannya tidak dilaksanakan berdasarkan terma dan syarat kontrak serta skop dan spesifikasi perkhidmatan yang ditetapkan oleh BPL.

5. Sepertimana YBhg. Datuk/Dato'/Datin/YBrs. Dr./Tuan/Puan sedia maklum, KPM melalui surat ruj. KPM.100-1/7/2 Jld. 6 (26) bertarikh 11 Januari 2019 berkenaan Pengurusan Kebersihan, Kesihatan dan Keselamatan di Sekolah KPM mengarahkan supaya semua urusan pemantauan, kawal selia dan pengesahan prestasi perkhidmatan keselamatan dan kebersihan hendaklah diurus sepenuhnya oleh Pengetua/Guru Besar atau Penolong Kanan Pentadbiran. Sehubungan itu, **semakan dan pengesahan borang-borang pengesahan pelaksanaan perkhidmatan kawalan keselamatan (PKK) dan KBK** hendaklah mematuhi ketetapan seperti berikut:

BORANG PENGESAHAN PELAKSANAAN PERKHIDMATAN KEBERSIHAN BANGUNAN DAN KAWASAN (KBK) DI SEKOLAH/INSTITUSI PENDIDIKAN BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM)

Bil.	Premis	Peranan dan Pegawai/ Penerima Perkhidmatan Bertanggungjawab	
		Penyemak	Pengesah
1.	Institusi Pendidikan	(i) Pegawai; (ii) Penolong Jurutera; (iii) Pegawai Eksekutif Kanan; atau (iv) Ketua Unit Khidmat Pengurusan	(i) Ketua/Timbalan Ketua Jabatan; (ii) Pengarah/Timbalan Pengarah JPN/Institusi; (iii) Pegawai/Timbalan Pegawai Pendidikan Daerah; (iv) Pendaftar; atau (v) Ketua Sektor
2.	Sekolah	Guru Penolong Kanan Pentadbiran	Pengetua/Guru Besar
3.	Pusat Kokurikulum	(i) Pegawai Unit Kokurikulum; atau (ii) Penyelia Pusat Kokurikulum	Ketua Unit Pusat Kokurikulum
4.	KIP/KRG	(i) Pegawai Pentadbir KIP/KRG di JPN/PPD/Institusi; atau (ii) Pegawai Aset/Pegawai Pembangunan JPN/PPD	(i) Ketua/Timbalan Ketua Jabatan; (ii) Pengarah/Timbalan Pengarah JPN/Institusi; (iii) Pegawai/Timbalan Pegawai Pendidikan Daerah; atau (iv) Ketua Sektor

6. Borang-borang pengesahan pelaksanaan perkhidmatan KBK berikut adalah **dibatalkan**:

- (i) Borang Pengesahan Kerja Perkhidmatan KBK dalam Panduan Penggunaan Borang Baru Pengesahan Pelaksanaan Kerja Bagi Kontrak Perkhidmatan KBK di Institusi-institusi Pendidikan/ Sekolah Di Bawah KPM yang terkandung dalam Buku Panduan Pengurusan Kontrak Perkhidmatan KPM Tahun 2015 yang diedarkan melalui surat ruj. KP(BPPA)600-1/7/2 Jilid 7 (07) bertarikh 9 Jun 2015; dan

BORANG PENGESAHAN PELAKSANAAN PERKHIDMATAN KEBERSIHAN BANGUNAN DAN KAWASAN (KBK) DI SEKOLAH/INSTITUSI PENDIDIKAN BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM)

- (ii) Borang Pengesahan Kerja Perkhidmatan KBK yang diedarkan melalui surat ruj. KPM.400-10/8/7 Jld 16 (3) bertarikh 30 Januari 2017.


7. Kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Datin/YBrs. Dr./Tuan/Puan adalah dimohon untuk memanjangkan surat ini kepada Pusat Tanggungjawab (PTJ)/institusi pendidikan/sekolah bawah seliaan masing-masing. Perhatian dan kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Datin/YBrs. Dr./Tuan/Puan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(SULIMAN BIN ABD RAHMAN)

Setiausaha Bahagian

Bahagian Perolehan

b.p.: Ketua Setiausaha

Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k.: Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan & Pembangunan)

BORANG PENGESAHAN PELAKSANAAN PERKHIDMATAN KEBERSIHAN BANGUNAN DAN KAWASAN (KBK) DI SEKOLAH/INSTITUSI PENDIDIKAN BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM)

SENARAI EDARAN DALAMAN

1. Timbalan Setiausaha Bahagian (Dasar)
2. Timbalan Setiausaha Bahagian (Perolehan Perkhidmatan)

SENARAI EDARAN BAHAGIAN/INSTITUSI INDUK DAN JPN

1. Pengarah
Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 3 & 4, Blok E2, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 W.P. PUTRAJAYA
2. Pengarah
Institut Aminuddin Baki
Kementerian Pendidikan Malaysia
71760 BANDAR ENSTEK
NEGERI SEMBILAN
3. Rektor
Institut Pendidikan Guru Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 1 - 3, Blok 2250
Jalan Usahawan 1
63000 CYBERJAYA
SELANGOR
4. Pengarah
Bahagian Pendidikan Islam
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras Bawah & Aras 2, Bangunan Mustapha Kamal
No. 2251, Jalan Usahawan 1
63000 CYBERJAYA
SELANGOR

BORANG PENGESAHAN PELAKSANAAN PERKHIDMATAN KEBERSIHAN BANGUNAN DAN KAWASAN (KBK) DI SEKOLAH/INSTITUSI PENDIDIKAN BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM)

5. Pengarah
Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 5 & 6, Blok E14, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 W.P. PUTRAJAYA

6. Pengarah
Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
Persiaran Bukit Kiara, Bukit Damansara
50604 W.P. KUALA LUMPUR

7. Pengarah
Bahagian Matrikulasi
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 6 & 7, Blok E15, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62604 W.P. PUTRAJAYA

8. Pengarah
Bahagian Pendidikan Khas
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 2, Blok E2, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 W.P. PUTRAJAYA

9. Pengarah
Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 3, Bangunan Mustapha Kamal
No. 2251, Jalan Usahawan 1
63000 CYBERJAYA
SELANGOR

BORANG PENGESAHAN PELAKSANAAN PERKHIDMATAN KEBERSIHAN BANGUNAN DAN KAWASAN (KBK) DI SEKOLAH/INSTITUSI PENDIDIKAN BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM)

10. Pengarah
Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 1 & 7, Blok E13, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 W.P. PUTRAJAYA

11. Setiausaha Bahagian
Bahagian GENIUS
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 3, Blok Podium
Menara Usahawan
Persiaran Perdana, Presint 2
62652 W.P. PUTRAJAYA

12. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Perlis
Jalan Tun Abdul Razak
01990 KANGAR
PERLIS

13. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Kedah
Kompleks Pendidikan
Jalan Stadium
05604 ALOR SETAR
KEDAH

14. Pengarah
Jabatan Pendidikan Pulau Pinang
Jalan Bukit Gambir
11700 PULAU PINANG

15. Pengarah
Jabatan Pendidikan Perak
Jalan Tun Abdul Razak
30640 IPOH
PERAK

BORANG PENGESAHAN PELAKSANAAN PERKHIDMATAN KEBERSIHAN BANGUNAN DAN KAWASAN (KBK) DI SEKOLAH/INSTITUSI PENDIDIKAN BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM)

16. Pengarah
Jabatan Pendidikan Selangor
Jalan Jambu Bol 4/3E, Seksyen 4
40604 SHAH ALAM
SELANGOR

17. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan
Jalan Dato' Hamzah
70990 SEREMBAN
NEGERI SEMBILAN

18. Pengarah
Jabatan Pendidikan Melaka
Jalan Istana
75450 BUKIT BERUANG
MELAKA


19. Pengarah
Jabatan Pendidikan Johor
Wisma Pendidikan
Jalan Tun Abdul Razak
80604 JOHOR BAHRU
JOHOR

20. Pengarah
Jabatan Pendidikan Pahang
Bandar Indera Mahkota
25200 KUANTAN
PAHANG

21. Pengarah
Jabatan Pendidikan Terengganu
Jalan Bukit Kecil
20604 KUALA TERENGGANU
TERENGGANU

BORANG PENGESAHAN PELAKSANAAN PERKHIDMATAN KEBERSIHAN BANGUNAN DAN KAWASAN (KBK) DI SEKOLAH/INSTITUSI PENDIDIKAN BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM)

22. Pengarah
Jabatan Pendidikan Kelantan
Bandar Baru Tunjong
**16010 KOTA BHARU
KELANTAN**
23. Pengarah
Jabatan Pendidikan Sabah
Wisma Jabatan Pendidikan Negeri Sabah
Jalan Punai Tanah, Likas
**88450 KOTA KINABALU
SABAH**
24. Pengarah
Jabatan Pendidikan Sarawak
Jalan Diplomatik Off Jalan Bako
Petra Jaya
**93050 KUCHING
SARAWAK**
25. Pengarah
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
Persiaran Tuanku Syed Sirajuddin
50604 W.P. KUALA LUMPUR
26. Pengarah
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan
Tingkat 10, Blok 4
Kompleks Ujana Kewangan
Peti Surat 81097
87020 W.P. LABUAN
27. Pengarah
Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya
Aras 7, Lobi 2, Blok E2, Kompleks E
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 W.P. PUTRAJAYA



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

**BAHAGIAN PEROLEHAN (BPL)
PEKELILING PEROLEHAN BILANGAN 1 TAHUN 2022**

Semua Setiausaha/Pengarah Bahagian/Institusi Induk
Semua Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri
Semua Pengarah Institusi Pendidikan
Semua Pegawai Pendidikan Daerah
Semua Pengetua/Guru Besar
Kementerian Pendidikan Malaysia

**GARIS PANDUAN PENGGUNAAN BORANG PENGESAHAN PELAKSANAAN
PERKHIDMATAN KEBERSIHAN BANGUNAN DAN KAWASAN
DI SEKOLAH/INSTITUSI PENDIDIKAN
BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM)**

1. TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Bahagian/Institusi Induk, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan sekolah/institusi pendidikan mengenai penggunaan Borang Pengesahan Pelaksanaan Perkhidmatan Kebersihan Bangunan dan Kawasan (KBK) di sekolah/institusi pendidikan bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

**GARIS PANDUAN PENGGUNAAN BORANG PENGESAHAN PELAKSANAAN PERKHIDMATAN
KEBERSIHAN BANGUNAN DAN KAWASAN DI SEKOLAH/INSTITUSI PENDIDIKAN BAWAH
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM)**

2. DEFINISI

Dalam garis panduan ini, perkataan-perkataan berikut membawa maksud yang ditetapkan baginya melainkan konteksnya mengkehendaki makna yang lain –

- 2.1 “Kerajaan” ertinya Kerajaan Malaysia yang diwakili oleh KPM dan termasuklah Ketua Setiausaha KPM atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Ketua Setiausaha KPM;
- 2.2 “Syarikat” atau “Kontraktor” ertinya sebuah syarikat atau perniagaan yang didaftarkan di Malaysia bawah Akta Syarikat 1965 [Akta 125] atau Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 [Akta 197] dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia, serta dilantik oleh Kerajaan bagi memberikan perkhidmatan KBK bagi Premis bawah KPM tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan;
- 2.3 “Kontrak” atau “Perjanjian” ertinya kontrak perkhidmatan KBK antara Kerajaan dengan Syarikat/Kontraktor;
- 2.4 “Premis” ertinya kawasan dan/atau bangunan di mana perkhidmatan KBK dilaksanakan seperti yang ditentukan oleh Kerajaan;
- 2.5 “Perkhidmatan” ertinya perkhidmatan KBK yang disediakan oleh Syarikat/Kontraktor;
- 2.6 “Pekerja Kebersihan” ertinya mana-mana orang yang digaji oleh Syarikat/Kontraktor untuk melaksanakan Perkhidmatan di Premis;
- 2.7 “Pentadbir Kontrak” ertinya pihak Kerajaan atau mana-mana pegawai Kerajaan yang dinamakan bagi melaksanakan fungsi-fungsi Pentadbir

**GARIS PANDUAN PENGGUNAAN BORANG PENGESAHAN PELAKSANAAN PERKHIDMATAN
KEBERSIHAN BANGUNAN DAN KAWASAN DI SEKOLAH/INSTITUSI PENDIDIKAN BAWAH
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM)**

Kontrak seperti yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan (PP)/PK5.1;

- 2.8 “Ketua Jabatan” ertinya Setiausaha Bahagian, Pengarah Bahagian, Pengarah Institusi Induk/Institusi Pendidikan, Pengarah JPN, Pegawai Pendidikan Daerah, Pengetua/Guru Besar bawah KPM; dan
- 2.9 “Penerima Perkhidmatan” ertinya Ketua Jabatan atau pegawai yang dilantik oleh Ketua Jabatan untuk memantau, menyemak dan mengesahkan pelaksanaan Perkhidmatan berdasarkan terma dan syarat Kontrak serta skop dan spesifikasi Perkhidmatan di Bahagian/Institusi Induk, JPN, PPD dan sekolah/institusi pendidikan masing-masing.

3. LATAR BELAKANG

- 3.1 KPM sentiasa melaksanakan penambahbaikan terma dan syarat Kontrak serta skop dan spesifikasi Perkhidmatan KBK dan penetapan norma baharu bilangan Pekerja Kebersihan.
- 3.2 Di samping itu, KPM melalui surat ruj. KPM.100-1/7/2 Jld. 6 (26) bertarikh 11 Januari 2019 berkenaan Pengurusan Kebersihan, Kesihatan dan Keselamatan di Sekolah KPM mengarahkan supaya semua urusan pemantauan, kawal selia dan pengesahan prestasi perkhidmatan keselamatan dan kebersihan hendaklah diurus sepenuhnya oleh Pengetua/Guru Besar atau Penolong Kanan Pentadbiran.
- 3.3 Sehubungan itu, KPM telah mengemas kini Borang Pengesahan Pelaksanaan Perkhidmatan KBK bagi memastikan pemantauan pelaksanaan Perkhidmatan dilaksanakan berdasarkan terma dan syarat Kontrak serta skop dan spesifikasi Perkhidmatan yang ditetapkan oleh Bahagian Perolehan (BPL), KPM.

**GARIS PANDUAN PENGGUNAAN BORANG PENGESAHAN PELAKSANAAN PERKHIDMATAN
KEBERSIHAN BANGUNAN DAN KAWASAN DI SEKOLAH/INSTITUSI PENDIDIKAN BAWAH
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM)**

**4. KATEGORI BORANG PENGESAHAN PELAKSANAAN PERKHIDMATAN
KBK**

4.1 Borang Pengesahan Pelaksanaan Kerja Perkhidmatan KBK semasa yang diedarkan melalui surat ruj. KPM.400-10/8/7 Jld 16 (3) bertarikh 30 Januari 2017 dibahagikan kepada empat (4) kategori, iaitu bagi Premis sekolah, institusi pendidikan, Kuarters Institusi Pendidikan (KIP)/Kompleks Rumah Guru (KRG) dan Pusat Kokurikulum. Walau bagaimanapun, semakan lanjut mendapati bahawa skop dan spesifikasi Perkhidmatan bagi setiap kategori tersebut boleh dirangkumkan bersama.

4.2 Justeru, bagi memudahkan pengesahan pelaksanaan perkhidmatan KBK oleh Penerima Perkhidmatan di sekolah/institusi pendidikan, Premis **sekolah dan institusi pendidikan** termasuk JPN, PPD, Pusat Kokurikulum dan KIP/KRG akan **mengguna pakai borang yang sama** dan kategori borang tersebut telah disemak semula seperti berikut –

- (i) Borang Pengesahan Pelaksanaan Perkhidmatan KBK Bagi **Kontrak Bermula Sebelum 1 Januari 2020**; dan
- (ii) Borang Pengesahan Pelaksanaan Perkhidmatan KBK Bagi **Kontrak Bermula 1 Januari 2020 dan Seterusnya**.

**GARIS PANDUAN PENGGUNAAN BORANG PENGESAHAN PELAKSANAAN PERKHIDMATAN
KEBERSIHAN BANGUNAN DAN KAWASAN DI SEKOLAH/INSTITUSI PENDIDIKAN BAWAH
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM)**

**5. FUNGSI DAN KAEDAH PENGISIAN BORANG PENGESAHAN
PELAKSANAAN PERKHIDMATAN KBK**

5.1 Borang Pengesahan Pelaksanaan Perkhidmatan KBK Bagi **Kontrak
Bermula Sebelum 1 Januari 2020**

- 5.1.1 Bagi mengelakkan implikasi perundangan, nama dan kod Borang Pengesahan Pelaksanaan Perkhidmatan KBK sepertimana dalam dokumen Kontrak yang bermula sebelum 1 Januari 2020 dikekalkan seperti di **Jadual 1** dan di **Lampiran A** –

**Jadual 1: Senarai Borang Pengesahan Pelaksanaan
Perkhidmatan KBK Bagi Kontrak Bermula Sebelum
1 Januari 2020**

Bil.	Nama Borang	Kod Borang
1.	Borang Pengesahan Pelaksanaan Kerja	BPPA KBK A
2.	Borang Rumusan Pengesahan Skop Perkhidmatan dan Pengurusan Pekerja	BPPA KBK 1A dan BPPA KBK 1B
3.	Borang Pengesahan Bilangan Pekerja dan Rekod Ketidakhadiran Pekerja	BPPA KBK 2
4.	Borang Pengesahan Pembekalan Bahan dan Peralatan	BPPA KBK 3

**GARIS PANDUAN PENGGUNAAN BORANG PENGESAHAN PELAKSANAAN PERKHIDMATAN
KEBERSIHAN BANGUNAN DAN KAWASAN DI SEKOLAH/INSTITUSI PENDIDIKAN BAWAH
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM)**

5.1.2 Kandungan borang tersebut telah dikemas kini dan dipermudahkan berbanding borang sedia ada seperti perbandingan di **Jadual 2** –

**Jadual 2: Perbandingan Borang Pengesahan Pelaksanaan Perkhidmatan
KBK Bagi Kontrak Bermula Sebelum 1 Januari 2020**

Bil.	Perkara	Borang Sedia Ada	Borang Baharu
1.	Kategori Borang	Empat (4) kategori, iaitu sekolah, institusi pendidikan, KIP/KRG dan Pusat Kokurikulum	Sekolah dan institusi pendidikan termasuk KIP/KRG dan Pusat Kokurikulum mengguna pakai borang yang sama
2.	Nama dan Kod Borang	Seperti dalam dokumen Kontrak yang berkuat kuasa	Dikekalkan
3.	Kandungan Borang	Borang KBK 1A dan KBK 1B tidak mengandungi skop dan spesifikasi Perkhidmatan bagi pembersihan <i>gutter</i> (saluran air), pembersihan yang khusus bagi Sekolah Pendidikan Khas serta kekerapan pembersihan tandas, bilik air dan bilik mandi di asrama	Borang KBK 1A dan KBK 1B diperincikan berdasarkan skop dan spesifikasi Perkhidmatan dalam Kontrak yang berkuat kuasa

**GARIS PANDUAN PENGGUNAAN BORANG PENGESAHAN PELAKSANAAN PERKHIDMATAN
KEBERSIHAN BANGUNAN DAN KAWASAN DI SEKOLAH/INSTITUSI PENDIDIKAN BAWAH
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM)**

Bil.	Perkara	Borang Sedia Ada	Borang Baharu
4.	Penyedia	Borang KBK A, KBK 2 dan KBK 3: Penyedia adalah Pengurus/wakil Syarikat/Kontraktor	Penyedia bagi semua borang adalah Pengurus/wakil Syarikat/Kontraktor
		Borang KBK 1A dan 1B: Penyedia adalah Guru/ Penyelia/Pegawai Sekolah/Pegawai Institusi/Pegawai Pentadbir	
5.	Penyemak	Institusi Pendidikan: Pegawai/Penolong Jurutera/Pegawai Eksekutif Kanan/Ketua Unit Khidmat Pengurusan	Institusi Pendidikan: Dikekalkan
		Sekolah: Guru/ Pentadbir Sekolah	Sekolah: Guru Penolong Kanan Pentadbiran
		Pusat Kokurikulum: Pegawai/ Penyelia Pusat Kokurikulum	Pusat Kokurikulum: Dikekalkan
		KIP/KRG: Pegawai Pentadbir	KIP/KRG: Pegawai Pentadbir/Pegawai Aset/ Pegawai Pembangunan JPN atau Institusi atau PPD
6.	Pengesah	Institusi Pendidikan:	Institusi Pendidikan: Ketua/Timbangan Ketua

**GARIS PANDUAN PENGGUNAAN BORANG PENGESAHAN PELAKSANAAN PERKHIDMATAN
KEBERSIHAN BANGUNAN DAN KAWASAN DI SEKOLAH/INSTITUSI PENDIDIKAN BAWAH
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM)**

Bil.	Perkara	Borang Sedia Ada	Borang Baharu
		Pengarah/Timbalan Pengarah/Pejabat Pendidikan Daerah/ Ketua Sektor	Jabatan/Pengarah/Timbalan Pengarah JPN atau Institusi/Pegawai/Timbalan Pegawai Pendidikan Daerah/ Pendaftar/Ketua Sektor
		Sekolah: Pengetua/ Guru Besar	Sekolah: Dikekalkan
		Pusat Kokurikulum: Ketua Unit Pusat Kokurikulum	Pusat Kokurikulum: Dikekalkan
		KIP/KRG: Ketua Jabatan	KIP/KRG: Ketua/Timbalan Ketua Jabatan/Pengarah/ Timbalan Pengarah JPN atau Institusi/Pegawai/ Timbalan Pegawai Pendidikan Daerah/Ketua Sektor
7.	Ruangan Pengesahan Pusat Pembayar	Tiada ruangan di Borang KBK A untuk pegawai/kakitangan Pusat Pembayar yang bertanggungjawab menyemak dokumen tuntutan bayaran menurunkan tandatangan, cap	Ruangan disediakan

**GARIS PANDUAN PENGGUNAAN BORANG PENGESAHAN PELAKSANAAN PERKHIDMATAN
KEBERSIHAN BANGUNAN DAN KAWASAN DI SEKOLAH/INSTITUSI PENDIDIKAN BAWAH
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM)**

Bil.	Perkara	Borang Sedia Ada	Borang Baharu
		rasmii nama dan jawatan serta tarikh	

5.1.3 **Setiap helaian borang dan lampiran tambahan (sekiranya ada) hendaklah mengandungi ruangan tandatangan Penyedia, Penyemak dan Pengesah.**

5.1.4 Kaedah pengisian Borang Pengesahan Pelaksanaan Perkhidmatan KBK bagi **Kontrak bermula sebelum 1 Januari 2020** adalah seperti di **Jadual 3** –

Jadual 3: Kaedah Pengisian Borang Pengesahan Pelaksanaan Perkhidmatan KBK Bagi Kontrak Bermula Sebelum 1 Januari 2020

Bil.	Borang	Arahan Pengisian
1.	Borang Pengesahan Pelaksanaan Kerja Perkhidmatan [KBK A]	(i) Penyedia hendaklah mengesahkan telah menyertakan borang-borang yang ditetapkan bagi tujuan pembayaran serta memahami terma dan syarat Kontrak serta skop dan spesifikasi Perkhidmatan dan bersedia menerima pembayaran sewajarnya. Penyedia hendaklah melengkapkan nama bank, nombor akaun bank dan menurunkan tandatangan, cap rasmi nama dan jawatan serta tarikh. (ii) Penyemak perlu menyemak perakuan Penyedia dan mengisi ruangan sama ada Perkhidmatan telah dilaksanakan berdasarkan terma dan syarat Kontrak serta

**GARIS PANDUAN PENGGUNAAN BORANG PENGESAHAN PELAKSANAAN PERKHIDMATAN
KEBERSIHAN BANGUNAN DAN KAWASAN DI SEKOLAH/INSTITUSI PENDIDIKAN BAWAH
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM)**

Bil.	Borang	Arahan Pengisian
		<p>skop dan spesifikasi Perkhidmatan. Penyemak hendaklah mengisi ruangan semakan dan pengesahan sekolah/institusi pendidikan dan melengkapkan pengiraan denda dan/atau pemotongan. Penyemak hendaklah menurunkan tandatangan, cap rasmi nama dan jawatan serta tarikh.</p> <p>(iii) Pengesah boleh membuat ulasan dengan mengisi ruangan ulasan dan hendaklah mengesahkan semakan Penyemak dengan menurunkan tandatangan, cap rasmi nama dan jawatan serta tarikh.</p> <p>(iv) Pusat Pembayar perlu mengisi ruangan pengesahan Pusat Pembayar dan jumlah denda dan/atau pemotongan yang dikenakan. Pegawai/kakitangan di Pusat Pembayar yang bertanggungjawab menyemak dokumen tuntutan bayaran hendaklah menurunkan tandatangan, cap rasmi nama dan jawatan serta tarikh.</p>
2.	Borang Rumusan Pengesahan Pelaksanaan Perkhidmatan dan Pengurusan Pekerja	<p>(i) Pengisian adalah berdasarkan kepada skop dan spesifikasi Perkhidmatan yang ditetapkan dalam dokumen Kontrak yang berkuat kuasa di Premis masing-masing.</p> <p>(ii) Penyedia hendaklah mengisi ruangan PK (Pengesahan Syarikat/Kontraktor) bagi setiap hari Perkhidmatan.</p>

**GARIS PANDUAN PENGGUNAAN BORANG PENGESAHAN PELAKSANAAN PERKHIDMATAN
KEBERSIHAN BANGUNAN DAN KAWASAN DI SEKOLAH/INSTITUSI PENDIDIKAN BAWAH
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM)**

Bil.	Borang	Arahan Pengisian
	[KBK 1A dan KBK 1B]	(iii) Penyemak perlu mengisi ruangan PS (Pengesahan sekolah/institusi pendidikan/Pusat Kokurikulum/ KIP/KRG). (iv) Tandakan <input checked="" type="checkbox"/> pada tarikh yang telah disempurnakan Perkhidmatan seperti di dalam skop dan spesifikasi Perkhidmatan. (v) Tandakan X pada tarikh yang Perkhidmatan tersebut tidak disempurnakan seperti di dalam skop dan spesifikasi Perkhidmatan. (vi) Tandakan TB pada skop dan spesifikasi Perkhidmatan yang tidak berkaitan bagi Premis tersebut. (vii) Penyemak perlu mengisi ruangan Catatan Penyemak dengan menyatakan bilangan hari di mana Perkhidmatan tidak disempurnakan, sekiranya ada. (viii) Penyedia, Penyemak dan Pengesah hendaklah menurunkan tandatangan, cap rasmi nama dan jawatan serta tarikh di ruangan yang disediakan.
3.	Borang Pengesahan dan Rekod Ketidakhadiran Pekerja [KBK 2]	(i) Jadual menunjukkan kekurangan bilangan Pekerja Kebersihan yang dibekalkan oleh Syarikat/Kontraktor setiap hari. (ii) Kehadiran Pekerja Kebersihan dan Pekerja Kebersihan gantian hendaklah dicatatkan. (iii) Ruangan senarai nama Pekerja Kebersihan dan Pekerja Kebersihan gantian boleh ditambah mengikut keperluan. Sekiranya helaian tambahan digunakan, ruangan

**GARIS PANDUAN PENGGUNAAN BORANG PENGESAHAN PELAKSANAAN PERKHIDMATAN
KEBERSIHAN BANGUNAN DAN KAWASAN DI SEKOLAH/INSTITUSI PENDIDIKAN BAWAH
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM)**

Bil.	Borang	Arahan Pengisian
		<p>tandatangan Penyedia, Penyemak dan Pengesah hendaklah disediakan di setiap helaian.</p> <p>(iv) Penyedia, Penyemak dan Pengesah hendaklah menurunkan tandatangan, cap rasmi nama dan jawatan serta tarikh di ruangan yang disediakan.</p>
4.	<p>Borang Pengesahan Pembekalan Bahan dan Peralatan [KBK 3]</p>	<p>(i) Penyedia hendaklah mengisi ruangan Pengesahan Syarikat/Kontraktor dengan jenama dan kuantiti bagi pakaian seragam, mesin, kelengkapan dan peralatan yang dibekalkan/digunakan.</p> <p>(ii) Penyemak hendaklah mengisi ruangan Pengesahan Sekolah/Institusi Pendidikan sama ada pakaian seragam, mesin, kelengkapan dan peralatan telah dibekalkan mengikut spesifikasi dan kuantiti dalam Perjanjian/ Surat Setuju Terima.</p> <p>(iii) Pengesah perlu mengisi ruangan Catatan Pengesah dengan menyatakan tarikh mesin, peralatan, kelengkapan dan bahan-bahan tidak dibekalkan, tidak mencukupi atau rosak, tidak berfungsi atau hilang tidak diganti pada tarikh tersebut, sekiranya ada.</p> <p>(iv) Penyedia, Penyemak dan Pengesah hendaklah menurunkan tandatangan, cap rasmi nama dan jawatan serta tarikh di ruangan yang disediakan.</p>

**GARIS PANDUAN PENGGUNAAN BORANG PENGESAHAN PELAKSANAAN PERKHIDMATAN
KEBERSIHAN BANGUNAN DAN KAWASAN DI SEKOLAH/INSTITUSI PENDIDIKAN BAWAH
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM)**

5.2 Borang Pengesahan Pelaksanaan Perkhidmatan KBK Bagi **Kontrak Bermula 1 Januari 2020 dan Seterusnya**

5.2.1 Nama dan kod Borang Pengesahan Pelaksanaan Perkhidmatan KBK bagi Kontrak bermula 1 Januari 2020 dan seterusnya adalah seperti di **Jadual 4** dan di **Lampiran B** –

Jadual 4: Senarai Borang Pengesahan Pelaksanaan Perkhidmatan KBK Bagi Kontrak Bermula 1 Januari 2020 dan Seterusnya

Bil.	Nama Borang	Kod Borang
1.	Borang Pengesahan Pelaksanaan Perkhidmatan	KBK A
2.	Borang Rumusan Pengesahan Pelaksanaan Skop dan Spesifikasi Perkhidmatan dan Pengurusan Pekerja Kebersihan	KBK 1A dan KBK 1B
3.	Borang Pengesahan Bilangan Pekerja dan Rekod Kehadiran Pekerja Kebersihan	KBK 2
4.	Borang Pengesahan Kehadiran Pekerja Berdasarkan Rekod Kehadiran Pekerja Kebersihan	KBK 3
5.	Borang Pengesahan Pembekalan Mesin, Kelengkapan, Peralatan dan Bahan-bahan	KBK 4

5.2.2 **Setiap helaian borang dan lampiran tambahan (sekiranya ada) hendaklah mengandungi ruangan tandatangan Penyedia, Penyemak dan Pengesah.**

**GARIS PANDUAN PENGGUNAAN BORANG PENGESAHAN PELAKSANAAN PERKHIDMATAN
KEBERSIHAN BANGUNAN DAN KAWASAN DI SEKOLAH/INSTITUSI PENDIDIKAN BAWAH
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM)**

5.2.3 Kaedah pengisian Borang Pengesahan Pelaksanaan Perkhidmatan KBK bagi **Kontrak bermula 1 Januari 2020 dan seterusnya** adalah seperti di **Jadual 5** –

Jadual 5: Kaedah Pengisian Borang Pengesahan Pelaksanaan Perkhidmatan KBK Bagi Kontrak Bermula 1 Januari 2020 dan Seterusnya

Bil.	Borang	Arahan Pengisian
1.	Borang Pengesahan Pelaksanaan Perkhidmatan [KBK A]	<p>(i) Penyedia hendaklah mengesahkan telah menyertakan borang-borang yang ditetapkan bagi tujuan pembayaran serta memahami terma dan syarat Kontrak serta skop dan spesifikasi Perkhidmatan dan bersedia menerima pembayaran sewajarnya. Penyedia hendaklah melengkapkan nama bank, nombor akaun bank dan menurunkan tandatangan, cap rasmi nama dan jawatan serta tarikh.</p> <p>(ii) Penyemak perlu menyemak perakuan Penyedia dan mengisi ruangan sama ada Perkhidmatan telah dilaksanakan berdasarkan terma dan syarat Kontrak serta skop dan spesifikasi Perkhidmatan. Penyemak hendaklah mengisi ruangan semakan dan pengesahan sekolah/institusi pendidikan dan melengkapkan pengiraan denda dan/atau pemotongan. Penyemak hendaklah menurunkan tandatangan, cap rasmi nama dan jawatan serta tarikh.</p>

**GARIS PANDUAN PENGGUNAAN BORANG PENGESAHAN PELAKSANAAN PERKHIDMATAN
KEBERSIHAN BANGUNAN DAN KAWASAN DI SEKOLAH/INSTITUSI PENDIDIKAN BAWAH
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM)**

Bil.	Borang	Arahan Pengisian
		<p>(iii) Pengesah boleh membuat ulasan dengan mengisi ruangan ulasan dan hendaklah mengesahkan semakan Penyemak dengan menurunkan tandatangan, cap rasmi nama dan jawatan serta tarikh.</p> <p>(iv) Pusat Pembayar perlu mengisi ruangan pengesahan Pusat Pembayar dan jumlah tolakan yang dikenakan. Pegawai/kakitangan di Pusat Pembayar yang bertanggungjawab menyemak dokumen tuntutan bayaran hendaklah menurunkan tandatangan, cap rasmi nama dan jawatan serta tarikh.</p>
2.	<p>Borang Rumusan Pengesahan Pelaksanaan Skop dan Spesifikasi Perkhidmatan dan Pengurusan Pekerja Kebersihan [KBK 1]</p>	<p>(i) Pengisian adalah berdasarkan kepada skop dan spesifikasi Perkhidmatan yang ditetapkan dalam dokumen Kontrak yang berkuat kuasa di Premis masing-masing.</p> <p>(ii) Penyedia hendaklah mengisi ruangan PK (Pengesahan Syarikat/Kontraktor) bagi setiap hari Perkhidmatan.</p> <p>(iii) Penyemak perlu mengisi ruangan PS (Pengesahan sekolah/institusi pendidikan/Pusat Kokurikulum/ KIP/KRG).</p> <p>(iv) Tandakan √ pada tarikh yang telah disempurnakan Perkhidmatan seperti di dalam skop dan spesifikasi Perkhidmatan.</p> <p>(v) Tandakan X pada tarikh yang Perkhidmatan tersebut tidak disempurnakan seperti di dalam skop dan spesifikasi Perkhidmatan.</p>

**GARIS PANDUAN PENGGUNAAN BORANG PENGESAHAN PELAKSANAAN PERKHIDMATAN
KEBERSIHAN BANGUNAN DAN KAWASAN DI SEKOLAH/INSTITUSI PENDIDIKAN BAWAH
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM)**

Bil.	Borang	Arahan Pengisian
		<p>(vi) Tandakan TB pada skop dan spesifikasi Perkhidmatan yang tidak berkaitan bagi Premis tersebut.</p> <p>(vii) Penyemak perlu mengisi ruangan catatan Penyemak dengan menyatakan bilangan hari di mana Perkhidmatan tidak disempurnakan, sekiranya ada.</p> <p>(viii) Penyedia, Penyemak dan Pengesah hendaklah menurunkan tandatangan, cap rasmi nama dan jawatan serta tarikh di ruangan yang disediakan.</p>
3.	<p>Borang Pengesahan Bilangan Pekerja dan Rekod Kehadiran Pekerja Kebersihan [KBK 2]</p>	<p>(i) Jadual menunjukkan kekurangan bilangan Pekerja Kebersihan yang dibekalkan oleh Syarikat/Kontraktor setiap hari.</p> <p>(ii) Kehadiran Pekerja Kebersihan dan Pekerja Kebersihan gantian hendaklah dicatatkan.</p> <p>(iii) Ruangan senarai nama Pekerja Kebersihan dan Pekerja Kebersihan gantian boleh ditambah mengikut keperluan. Sekiranya helaian tambahan digunakan, ruangan tandatangan Penyedia, Penyemak dan Pengesah hendaklah disediakan di setiap helaian.</p> <p>(iv) Penyedia, Penyemak dan Pengesah hendaklah menurunkan tandatangan, cap rasmi nama dan jawatan serta tarikh di ruangan yang disediakan.</p>

**GARIS PANDUAN PENGGUNAAN BORANG PENGESAHAN PELAKSANAAN PERKHIDMATAN
KEBERSIHAN BANGUNAN DAN KAWASAN DI SEKOLAH/INSTITUSI PENDIDIKAN BAWAH
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM)**

Bil.	Borang	Arahan Pengisian
4.	<p>Borang Pengesahan Kehadiran Pekerja Berdasarkan Rekod Kehadiran Pekerja Kebersihan [KBK 3]</p>	<p>(i) Salinan Buku Rekod Kehadiran Pekerja Kebersihan, Kad Perakam Waktu (<i>Punch Card</i>) atau Laporan Kehadiran Biometrik (<i>Thumb Print</i>) hendaklah ditampal dengan dengan kemas dan teratur. Nama Pekerja Kebersihan, cetakan tarikh dan masa kehadiran pada waktu bertugas mestilah jelas.</p> <p>(ii) Nama Pekerja Kebersihan dan Pekerja Kebersihan gantian pada salinan Buku Rekod Kehadiran Pekerja Kebersihan, Kad Perakam Waktu (<i>Punch Card</i>) atau Laporan Kehadiran Biometrik (<i>Thumb Print</i>) hendaklah sama dengan yang dinyatakan dalam Borang KBK 2.</p> <p>(iii) Sekiranya helaian tambahan digunakan, ruangan tandatangan Penyedia, Penyemak dan Pengesah hendaklah disediakan di setiap helaian.</p> <p>(iv) Penyedia, Penyemak dan Pengesah hendaklah menurunkan tandatangan, cap rasmi nama dan jawatan serta tarikh di ruangan yang disediakan.</p>
5.	<p>Borang Pengesahan Pembekalan Mesin, Kelengkapan, Peralatan dan</p>	<p>(i) Penyedia hendaklah mengisi ruangan Pengesahan Syarikat/Kontraktor dengan jenama dan kuantiti bagi pakaian seragam, mesin, kelengkapan dan peralatan yang dibekalkan/digunakan.</p>

**GARIS PANDUAN PENGGUNAAN BORANG PENGESAHAN PELAKSANAAN PERKHIDMATAN
KEBERSIHAN BANGUNAN DAN KAWASAN DI SEKOLAH/INSTITUSI PENDIDIKAN BAWAH
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM)**

Bil.	Borang	Arahan Pengisian
	Bahan-bahan [KBK 4]	(ii) Penyemak hendaklah mengisi ruangan Pengesahan Sekolah/Institusi Pendidikan sama ada pakaian seragam, mesin, kelengkapan dan peralatan telah dibekalkan mengikut spesifikasi dan kuantiti dalam Perjanjian/ Surat Setuju Terima. (iii) Pengesah perlu mengisi ruangan Catatan Pengesah dengan menyatakan tarikh mesin, peralatan, kelengkapan dan bahan-bahan tidak dibekalkan, tidak mencukupi atau rosak, tidak berfungsi atau hilang tidak diganti pada tarikh tersebut, sekiranya ada. (iv) Penyedia, Penyemak dan Pengesah hendaklah menurunkan tandatangan, cap rasmi nama dan jawatan serta tarikh di ruangan yang disediakan

5.2.4 Borang Pengesahan Pelaksanaan Perkhidmatan KBK seperti di **Jadual 5** adalah **terpakai bagi Kontrak bermula 1 Januari 2020 dan seterusnya**, tertakluk kepada arahan KPM dari semasa ke semasa.

**GARIS PANDUAN PENGGUNAAN BORANG PENGESAHAN PELAKSANAAN PERKHIDMATAN
KEBERSIHAN BANGUNAN DAN KAWASAN DI SEKOLAH/INSTITUSI PENDIDIKAN BAWAH
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM)**

6. PEGAWAI/PENERIMA PERKHIDMATAN BERTANGGUNGJAWAB

- 6.1 Pengurus/wakil Syarikat/Kontraktor yang mengisi borang serta Penerima Perkhidmatan yang membuat semakan dan pengesahan hendaklah menurunkan **tandatangan, cap rasmi nama dan jawatan serta tarikh di setiap helaian borang dan lampiran tambahan.**
- 6.2 Pengurus/wakil Syarikat/Kontraktor merupakan Penyedia manakala Penerima Perkhidmatan yang dipertanggungjawabkan sebagai Penyemak dan Pengesah Borang Pengesahan Pelaksanaan Perkhidmatan KBK bagi sekolah/institusi pendidikan masing-masing adalah seperti di **Jadual 6** –

**Jadual 6: Penyedia, Penyemak dan Pengesah
Borang Pengesahan Pelaksanaan Perkhidmatan KBK**

Bil.	Premis	Peranan dan Pegawai/ Penerima Perkhidmatan Bertanggungjawab		
		Penyedia	Penyemak	Pengesah
1.	Institusi Pendidikan	Pengurus/Wakil Syarikat/ Kontraktor	(i) Pegawai; (ii) Penolong Jurutera; (iii) Pegawai Eksekutif Kanan; atau (iv) Ketua Unit Khidmat Pengurusan	(i) Ketua/Timbangan Ketua Jabatan; (ii) Pengarah/Timbangan Pengarah JPN; (iii) Pengarah/Timbangan Pengarah Institusi; (iv) Pegawai/Timbangan Pegawai Pendidikan Daerah; (v) Pendaftar; atau

**GARIS PANDUAN PENGGUNAAN BORANG PENGESAHAN PELAKSANAAN PERKHIDMATAN
KEBERSIHAN BANGUNAN DAN KAWASAN DI SEKOLAH/INSTITUSI PENDIDIKAN BAWAH
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM)**

Bil.	Premis	Peranan dan Pegawai/ Penerima Perkhidmatan Bertanggungjawab		
		Penyedia	Penyemak	Pengesah
				(vi) Ketua Sektor
2.	Sekolah	Pengurus/Wakil Syarikat/ Kontraktor	Guru Penolong Kanan Pentadbiran	Pengetua/Guru Besar
3.	Pusat Kokurikulum	Pengurus/Wakil Syarikat/ Kontraktor	(i) Pegawai Unit Kokurikulum; atau (ii) Penyelia Pusat Kokurikulum	Ketua Unit Pusat Kokurikulum
4.	KIP/KRG	Pengurus/Wakil Syarikat/ Kontraktor	(i) Pegawai Pentadbir KIP/KRG di JPN/PPD/Institusi; atau (ii) Pegawai Aset/Pegawai Pembangunan JPN/PPD	(i) Ketua/Timbalan Ketua Jabatan; (ii) Pengarah/Timbalan Pengarah JPN; (iii) Pengarah/Timbalan Pengarah Institusi; (iv) Pegawai/Timbalan Pegawai Pendidikan Daerah; atau (v) Ketua Sektor

6.3 Penyedia, Penyemak dan Pengesah seperti di **Jadual 6** adalah **terpakai** bagi kedua-dua Borang Pengesahan Pelaksanaan Perkhidmatan KBK bagi **Kontrak bermula sebelum 1 Januari 2020** dan **Kontrak bermula pada 1 Januari 2020 dan seterusnya**.

**GARIS PANDUAN PENGGUNAAN BORANG PENGESAHAN PELAKSANAAN PERKHIDMATAN
KEBERSIHAN BANGUNAN DAN KAWASAN DI SEKOLAH/INSTITUSI PENDIDIKAN BAWAH
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM)**

7. TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

- 7.1 Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab untuk memastikan garis panduan ini dipatuhi dan dilaksanakan sepenuhnya oleh Bahagian/Institusi Induk, JPN, PPD dan sekolah/institusi pendidikan masing-masing.
- 7.2 Ketua Jabatan hendaklah memastikan pentadbiran kontrak perkhidmatan KBK dilaksanakan pada peringkat Bahagian/Institusi Induk, JPN, PPD dan sekolah/institusi pendidikan mengikut semua peraturan dan tatacara perolehan dan kewangan semasa yang berkuat kuasa.

8. TARIKH BERKUAT KUASA

Garis panduan ini berkuat kuasa mulai **1 Februari 2022** bagi kontrak perkhidmatan KBK di sekolah/institusi pendidikan bawah KPM yang perolehannya dilaksanakan berdasarkan terma dan syarat Kontrak serta skop dan spesifikasi Perkhidmatan yang ditetapkan oleh BPL, KPM, tertakluk kepada arahan KPM dari semasa ke semasa.

9. PEMAKAIAN

- 9.1 Garis panduan ini terpakai kepada semua Bahagian/Institusi Induk, JPN, PPD dan sekolah/institusi pendidikan bawah KPM.
- 9.2 Borang Pengesahan Pelaksanaan Perkhidmatan KBK di sekolah/institusi pendidikan bawah KPM dalam garis panduan ini adalah bagi kontrak perkhidmatan KBK yang perolehannya dilaksanakan berdasarkan terma dan syarat Kontrak serta skop dan spesifikasi Perkhidmatan yang ditetapkan oleh BPL, KPM.

**GARIS PANDUAN PENGGUNAAN BORANG PENGESAHAN PELAKSANAAN PERKHIDMATAN
KEBERSIHAN BANGUNAN DAN KAWASAN DI SEKOLAH/INSTITUSI PENDIDIKAN BAWAH
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM)**

